

# Lindungi kanak-kanak daripada antun seksual dalam talian

- Antun seksual terhadap kanak-kanak kini meningkat melalui internet dan media sosial

- Pelaku menyalahgunakan kedudukan, pangkat, kasih sayang dan wang ringgit untuk menjerat mangsa

- Cabaran terbesar untuk menghidu masalah kerana komunikasi dilakukan di laman sembang maya tertutup

Oleh Dr Nadiawati Abdul Razak  
bhrencana@bh.com.my

Dengan kecanggihan dunia komunikasi semudah 'ABC', siapa sahaja kini mudah untuk berhubung. Ia menjadi satu medan komunikasi terbuka luas kepada pelaku mencari mangsa.

Dalam konteks ini, kegiatan 'exual grooming' atau antun seksual terhadap kanak-kanak juga meningkat melalui internet dan media sosial.

Antun seksual adalah aktiviti jenayah menjadikan kanak-kanak sebagai rakan, khususnya melalui internet dengan tujuan memujuk mereka supaya menjalin hubungan seksual.

Berbutir ini suatu bentuk

dilakukan sama ada secara bersemuka atau dalam talian.

Antun seksual secara bersemuka lebih luas modus operandinya dengan si pelaku mengukuhkan hubungan bukan sahaja terhadap mangsa, tetapi juga keluarga dan komuniti.

Ini berlainan dengan antun seksual dalam talian yang menyasarkan mangsa secara eksklusif melalui platform internet atau teknologi gajet.

## Antun seksual bersemuka lebih serius

Media massa dan masyarakat lebih sinonim dengan antun seksual dalam talian, namun sebenarnya antun seksual bersemuka lebih serius dan banyak berlaku.

Perkara ini masih dianggap tabu kerana kita masih terikat dengan agama dan adat yang teguh berpegang kepada prinsip 'tidak menjaga tepi kain orang' selagi perbuatan tersebut tidak dijatuhkan hukum.

Namun, berapa banyak kes berjaya disabitkan kesalahannya. Oleh itu, kes seperti ini dianggap sangat terencil, senyap dan hilang begitu sahaja.

Pelaku masih bebas dan terus mencari mangsa baharu, maka kitaran sama berulang. Mangsa pula diganggu gugat kesihatan mentalnya seumur hidup.

Masyarakat tidak harus menuduh mangsa merelakan dirinya dipergunakan untuk tujuan seksual atau menuding jari kepada ibu bapa mahupun penjaga kerana gagal menjalankan tanggungjawab.

Hakikatnya, mangsa terlalu naif dan muda, mungkin belum matang pemikirannya. Justeru, ibu bapa dan penjaga sebagai orang dewasa patut memberi bimbingan kepada kanak-kanak bahaya antun seksual dan pada masa sama menamatkan sifat peduli serta ambil tahu terhadap kes seperti ini.

Memang benar, antara cabaran terbesar adalah sukar menghidu masalah ini kerana hubungan komunikasi berkenaan dilakukan di platform laman sembang maya tertutup. Namun, keprihatinan orang dewasa amat melindungi kanak-kanak da



Pensyarah Perubatan, Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Perbuatan ini suatu bentuk eksploitasi terhadap kanak-kanak yang kian membarah dalam masyarakat kita. Modus operandi pelaku sangat mudah dan dirancang secara sistematik.

Pelaku akan memilih mangsa yang mereka mahukan dimulai dengan berkenalan di internet atau jaringan komunikasi untuk membina hubungan dan kepercayaan.

Di sinilah, pelaku menyalahgunakan kedudukan, pangkat, kasih sayang dan wang ringgit untuk menjerat mangsa. Mangsa mulai berasa seronok dimanjakan apabila segala permintaan dipenuhi.

Pada masa sama, pelaku mengatur langkah seterusnya dengan membiasakan mangsa dengan tingkah laku seksual, antaranya menormalisasikan sentuhan tidak selamat seperti di paha, pipi, mulut dan bahagian kelamin serta memberi pujian berbentuk seksual.

Sekiranya mangsa menolak, pelaku akan mengugut atau melemaskan mangsa dengan pujukan supaya mangsa merasa perlu membalas budi atau perbuatan itu didedahkan kepada ibu bapa atau disebarkan di media sosial.

Oleh kerana ketakutan, mangsa merelakan perlakuan itu, namun perbuatan jenayah seksual tadi berlaku secara berulang kali sehingga akhirnya menjadi normal, sekali gus menjurus kepada berlaku hubungan seksual.

Antun seksual tidak hanya memanipulasi mangsa, malah ahli keluarga, komuniti dan organisasi penjagaan kanak-kanak juga mungkin boleh diheret bagi mendapatkan akses kepada mangsa. Pelaku akan memberi gambaran dia adalah individu yang baik dan tidak berbahaya.

Terdapat dua cara mod antun seksual ini

Menurut Seksyen 11 Akta Kanak-kanak (Pindaan 2016) berkaitan dengan kesalahan antun seksual yang jika disabitkan kesalahan boleh dipenjarakan tidak lebih tiga tahun.



*Ibu bapa perlu lebih peka risiko antun seksual di media sosial terhadap kanak-kanak.*

(Foto hiasan)

orang dewasa dapat melindungi kanak-kanak daripada terus menjadi mangsa.

Ancaman antun seksual amat menakutkan. Ibu bapa, keluarga dan penjaga tidak boleh alpa dengan kegiatan ini. Jangan sampai 'nasi menjadi bubur'.

Sekarang adalah masa tepat untuk ibu bapa, keluarga atau penjaga menguasai ilmu pendidikan seksualiti, sentuhan selamat, proses akil baligh dan perubahan fizikal anak-anak apabila menginjak dewasa.

Kempen kesedaran dan latihan berterusan kepada golongan profesional yang terbabit secara langsung dengan kanak-kanak bermula dari peringkat sekolah perlu ditekankan supaya segera mengenal pasti sebarang bentuk eksploitasi seksual terhadap kanak-kanak.

Peranan masyarakat pula penting dengan meningkatkan sifat empati dan mula ambil tahu keadaan sekeliling. Bermakna, perpaduan dan ikatan jiran tetangga mesti disemai dan diperkuatkan bagi mencegah perbuatan antun seksual ini berleluasa.

Sekiranya setiap individu dalam masyarakat memainkan peranan masing-masing, generasi anak muda yang bersih, suci dan bersahsiah tinggi serta cemerlang akan dilahirkan untuk menjadi pemimpin akan datang.

Akhir sekali, stigma dan mitos yang tidak tepat mengenai jenayah seksual membabitkan kanak-kanak perlu dihapuskan dengan memberi kekuatan kepada mangsa untuk mendedahkan salah laku seterusnya mendapatkan bantuan.

**Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH**